



PARA peserta yang mewakili UMS merai kejayaan mereka bersama piala-piala kemenangan selepas menjuarai Kejohanan Sukan Antara Pusat Sukan Seluruh Negara 2013.

UMS juara pusat-pusat sukan Malaysia

UB 10.6.2013 A16

KOTA KINABALU: Pusat Sukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) muncul selaku juara pada Kejohanan Sukan Antara Pusat Sukan Seluruh Negara 2013 yang dianjurkan buat julung-julung kalinya di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi berakhir kelmarin.

UMS membawa pulang dua pingat emas, satu pingat perak dan satu pingat gangsa untuk mengatasi 18 pasukan lain termasuk pasukan dari bahagian sukan Kementerian

Pelajaran Malaysia.

UMS mengatasi pencabar terdekat yang juga naib johan Universiti Utara Malaysia (UUM) yang hanya memperoleh dua pingat emas, manakala pemenang tempat ketiga ditiadakan selepas empat pasukan mengutip jumlah pingat yang sama.

Pingat emas Sabah dimenangi menerusi acara dart berpasukan dan lari berganti-ganti 8x50 meter, sambil pingat perak dan

gangsa pula masing-masing disumbangkan oleh pasukan boling berpasukan lelaki dan badminton beregu wanita.

Tujuh acara dipertandingkan pada temasya tiga hari tersebut termasuk futsal, karom dan golf.

Majlis penutupan dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Dr. Ahmad Naim Ismail selaku wakil kepada setiausaha bahagian sukan Kementerian Pendidikan Malaysia.